



KENYATAAN MEDIA

PERLUASAN AKTIVITI KEAGAMAAN DI MASJID DAN SURAU DALAM TEMPOH FASA 3 PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) BAGI NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

Menjunjung titah perintah dan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, Sultan dan Yang Dipertuan Bagi Negeri Terengganu Darul Iman serta segala jajahan takluknya selaku Ketua Agama Islam Negeri Terengganu berhubung Perluasan Aktiviti Keagamaan Di Masjid Dan Surau dalam tempoh Fasa 3 Pelan Pemulihan Negara (PPN) bagi Negeri Terengganu Darul Iman.

Selaras dengan Kenyataan Media Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia pada 16 September 2021 yang mengumumkan Negeri Terengganu telah beralih dari **Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara (PPN)** ke **Fasa 3 Pelan Pemulihan Negara (PPN)** berkuatkuasa pada 17 September 2021, maka Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu selepas mendapat pandangan daripada Sahibus Samahah Dato' Mufti Negeri Terengganu, dengan ini mengambil keputusan bersetuju untuk memperluaskan aktiviti keagamaan di masjid dan surau dalam Negeri Terengganu seperti berikut:-

- a) Semua aktiviti keagamaan di masjid dan surau **DIBENARKAN** dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) Kesihatan Dan Keselamatan yang ditetapkan.
- b) Semua masjid dan surau **DIKEHENDAKI** mengadakan solat hajat dan bacaan Surah Yasin setiap malam Jumaat selepas solat Maghrib secara berjamaah dan berdoa memohon supaya Allah Subhanahu Wataala mengangkat wabak ini.
- c) Semua Imam **DIKEHENDAKI** membaca teks Doa Qunut Nazilah dalam solat Jumaat dan Doa Mohon Dijauhi Dari Wabak Penyakit yang disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu selepas setiap kali solat hajat dan bacaan surah Yasin.
- d) Semua masjid **DIKEHENDAKI** melaksanakan solat sunat hajat setiap kali selepas solat Jumaat.
- e) Majlis akad nikah di masjid, surau dan premis persendirian adalah **DIBENARKAN** dengan mengikut garis panduan yang akan dikeluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu.
- f) Majlis akad nikah di Pejabat Agama Daerah **DIBENARKAN** bagi kes-kes tertentu sahaja dengan

mendapat kelulusan daripada Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Terengganu.

- g) Aktiviti ziarah kubur **DIBENARKAN** dengan memastikan Prosedur Operasi Standard (SOP) Kesihatan dan Keselamatan dipatuhi.
- h) Semua Institusi Pondok, Madrasah dan Pusat Tahfiz yang berdaftar dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu **DIBENARKAN** menjalankan sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara bersemuka tertakluk kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) Kesihatan dan Keselamatan yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).
- i) Mana-mana masjid atau surau yang dikenakan arahan penutupan di bawah seksyen 18 (1)(d) Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) **TIDAK DIBENARKAN** melaksanakan apa-apa aktiviti sepanjang tempoh penutupan.
- j) Sebarang perubahan akan dimaklumkan dari masa ke semasa tertakluk kepada arahan pihak berkuasa.


Baginda menyeru supaya rakyat jelata mematuhi semua Prosedur Operasi Standard (SOP) dengan menjaga kebersihan dan keselamatan diri dan keluarga dan jangan sekali-kali alpa

walaupun Negeri Terengganu sudah berada di Fasa 3 Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Baginda juga memohon supaya rakyat jelata muslimin dan muslimat teruskan bermunajat, berzikir, beristighfar dan berselawat ke atas Junjungan Nabi Muhammad Shallallahu 'Alaihi Wasallam dan memperbanyakkan doa supaya wabak ini diangkat oleh Allah Subahanu Wataala.

Baginda berdoa semoga semua rakyat jelata sentiasa berada di dalam kerahmatan dan perlindungan Allah Subhanahu Wataala.

Menjunjung titah,



DATO' HAJI OSMAN BIN MUDA

YANG DIPERTUA

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU

25 SEPTEMBER 2021M BERSAMAAN 17 SAFAR 1443H